

# Faktor Kritikal Kejayaan dan Cabaran Inisiatif CSR dalam Kalangan Syarikat Swasta Terpilih

Naziatul Aziah Mohd Radzi (P80743), Sharina Abdul Halim, Chamhuri Siwar, Lee Khai Ern

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: naziatulaziah@gmail.com

**Pernyataan Masalah:** Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan aspek penting sesebuah organisasi untuk memastikan kelestarian operasi dan meraih kepercayaan dari pihak berkepentingan yang terdiri daripada pelanggan, penggubal undang-undang dan komuniti sekeliling. Inisiatif CSR yang berkesan perlu dilaksanakan agar program yang direncanakan benar-benar memberi sumbangan kepada golongan sasaran. Amalan CSR telah lama bertapak di Malaysia, namun perlaksanaan dan sumbangan inisiatif sendiri ke arah peningkatan kesejahteraan dan kebajikan rakyat masih dipertikaikan dan kurang pembuktian secara empirikal mengenainya. Tambahan pula, di Malaysia tiada perundangan khusus dan nyata terhadap amalan CSR jika dibandingkan dengan negara membangun lain seperti India. Kajian sedia ada lebih banyak memfokuskan faedah perlaksanaan inisiatif CSR terhadap syarikat itu sendiri. Sektor swasta mempunyai peranan terhadap pembangunan sosial melalui amalan CSR. Peranan ini dianggap dapat meringankan beban kerajaan yang sedia menanggung pelbagai kapasiti perbelanjaan. Namun, sehingga sekarang peranan sektor swasta melalui amalan CSR di Malaysia masih kurang mendapat liputan. Perlaksanaan di peringkat syarikat pula lebih tersusun dan terancang jika melibatkan syarikat swasta yang bersaiz besar. **Objektif:** Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang mendepani perlaksanaan inisiatif CSR dan faktor kritikal kejayaan yang menyumbang kepada perlaksanaan inisiatif CSR. Beberapa cabaran perlaksanaan dan faktor kritikal kejayaan telah dikenal pasti berdasarkan perspektif pihak pelaksana inisiatif CSR dalam kalangan empat yayasan yang mewakili syarikat swasta terpilih. Aspek cabaran dan faktor kritikal kejayaan dikenal pasti berdasarkan kajian lepas dan diaplikasikan untuk kajian ini.

**Metodologi:** Borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian diedarkan kepada pihak pelaksana CSR dalam kalangan syarikat swasta terpilih dari bulan Julai hingga September 2016. **Hasil** analisis kajian menunjukkan bahawa faktor kejayaan strategik (nilai min=4.2029) paling tinggi menyumbang faktor kritikal kejayaan diikuti oleh faktor pemasaran (nilai min=4.1857) dan sumber manusia (nilai min=4.1623) dan faktor kewangan (nilai min=4.1389) serta akhir sekali faktor persekitaran (nilai min=4.0556). Manakala kos yang tinggi (nilai min=3.4167), perlaksanaan terlalu rumit (nilai min=3.3611) dan faedah perniagaan tidak segera diperolehi (nilai min=3.2778) merupakan cabaran yang paling tinggi. Pengenalpastian faktor kritikal kejayaan dan cabaran berkaitan inisiatif CSR adalah penting supaya perancangan dan perlaksanaan inisiatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk menyumbang kepada golongan sasaran. **Kesimpulan:** Dalam persekitaran ketidaktentuan ekonomi dan peralihan zaman globalisasi tentunya memerlukan perancangan perlaksanaan inisiatif CSR yang teliti bagi menjamin keberkesaan program supaya memenuhi matlamat asal syarikat iaitu memenuhi keperluan tanggungjawab sosial kepada pihak berkepentingan. Perlaksanaan inisiatif CSR adalah sangat diperlukan namun adalah lebih baik jika inisiatif CSR diberikan perhatian sewajarnya terutamanya dari pihak penggubal undang-undang dan juga masyarakat supaya usaha dari syarikat swasta terhadap tanggungjawab sosial adalah jelas, berbaloi dan tidak dipersoalkan. Satu instrumen perundangan khusus ke atas inisiatif CSR perlu diwujudkan bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan dari syarikat swasta dan penglibatan dari pelbagai lapisan masyarakat.